



PERDANA LIBRARY
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
 NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Suara Keadilan
Date	30/4/2013

Najib pernah puji Umcedel — Saifuddin

Suara Keadilan - 30/4/2013



KEENGGANAN Datuk Seri Najib Razak menerima hasil kajian terbaru Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (Umcedel) semata-mata kerana ia tidak memihak kepadanya.

Setiausaha Agung KEADILAN, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, Najib tidak patut menghormati Umcedel kerana hasil kajian badan akademik itu pernah memihak kepada BN pada Jun 2012, dan dipuji Najib

Pada kenyataan media, beliau berkata, kajian terbaru itu menunjukkan bahawa usaha berterusan KEADILAN untuk

melakukan perubahan bermakna kepada rakyat, kini hampir menjadi kenyataan.

“Ini kepercayaan rakyat dan kita akan terus berkempen bersungguh-sungguh sehingga hari pengundian,” kata calon Parlimen Bandar Baharu Kulim itu.

Saifuddin berkata, tuduhan kononnya Pakatan tidak disokong orang Melayu dinafi oleh kajian yang menunjukkan 54 peratus responden Melayu yakin dengan kewibawaan Anwar.

Lebih membanggakan, katanya, 43 peratus responden

membabitkan semua bangsa percaya dengan kemampuan Anwar menjadi Perdana Menteri berbanding Najib (39 peratus)

“Kajian itu membuktikan Pakatan berjaya meraih sokongan dari semua sektor dan komuniti. Ia relevan kerana dilakukan secara profesional menggunakan kaedah terbaik,” katanya.

Kajian itu menunjukkan Najib berada empat mata ketinggalan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari segi kelayakan untuk menjadi Perdana Menteri.

PERBANDINGAN KELAYAKAN SEBAGAI PERDANA MENTERI

49%

ANWAR

39%

NAJIB

Sumber: UMCEDEL